PELAN ANTIRASUAH

MAJLIS DAERAH CAMERON HIGHLANDS (MDCH)

2023 - 2027



"Dari Abu Dhar berkata, "Wahai Rasulullah, tidakkah engkau menjadikanku (seorang pemimpin) ? Lalu, Rasulullah menepuk tangannya dibahuku, dan bersabda,

"Wahai Abu Dzar, sesungguhnya engkau lemah, dan sesungguhnya hal ini adalah amanah, ia merupakan kehinaan dan penyesalan pada hari kiamat, kecuali orang yang mengambilnya dengan haknya dan menunaikannya (dengan sebaik-baiknya)."

Sahih Muslim, Kitab al-Imarah,
Bab Karahah al-Imarah bi Ghayri Darurah,
No. Hadith: 1825, daripada Abu Dhar r.a

Diterbitkan oleh :

Majlis Daerah Cameron Highlands
No.1, Jalan Majlis,
39000 Tanah Rata

Tel : 05-4911455
Faks : 05-4911728

Hak Cipta Terpelihara
Sebarang edaran atau penghasilan semula mana-mana bahagian atau keseluruhan kandungan dalam apa jua bentuk adalah dilarang. Sebahagian pengeksploitasian untuk tujuan komersial tanpa kebenaran bertulis adalah tidak dibenarkan sama sekali.

PERUTUSAN

TUAN AZMIL HADID BIN MAZNAN

YANG DIPERTUA
MAJLIS DAERAH CAMERON HIGHLANDS

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَٰنِ الرَّحِيمِ

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Negaraku Malaysia,

Syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-NYA jua, Pelan Antirasuah Majlis Daerah Cameron Highlands bagi tempoh 2023-2027 dihasilkan dengan jayanya.

Pelan Antirasuah MDCH 2023-2027 yang dibangunkan ini adalah bersifat komprehensif. Ianya merupakan satu dokumen dasar di peringkat jabatan bertujuan untuk menangani cabaran, permasalahan serta kelemahan dalam Integriti,Governans dan Antirasuah merangkumi semua bidang dan aktiviti yang ada di MDCH. Pelan ini memerlukan komitmen padu serta kerjasama menyeluruh semua pihak. Ianya juga akan menjadi panduan terbaik dalam menangani risiko rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa di MDCH.

Besarlah harapan MDCH untuk melihat Pelan Antirasuah 2023-2027 ini berjaya diterapkan dan menjadi panduan ke arah melaksanakan agenda integriti jabatan secara holistik. Semua warga MDCH juga diharapkan dapat memahami, menghayati serta membudayakan nilai integriti seterusnya dapat menghindarkan diri dari terjebak dengan aktiviti salah laku yang bertentangan dengan tatakelakuan penjawat awam.

Ucapan tahniah dan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam membangunkan serta menghasilkan Pelan Antirasuah MDCH 2023-2027 ini. Besarlah harapan saya supaya warga MDCH terus komited dalam melaksanakan setiap inisiatif yang terkandung di dalam dokumen ini seterusnya dapat menzahirkan sasaran organisasi bebas rasuah serta berintegriti tinggi.

Yang Dipertua
Majlis Daerah Cameron Highlands

SENARAI NAMA SINGKATAN

MDCH	Majlis Daerah Cameron Highlands
OACP	Organizational Anti-Corruption Plan
CRM	Corruption Risk Management
COB	Commision of Building
YDP	Yang Dipertua
SU	Setiausaha
ABMS	*Anti-Bribery Management System*
QMS	*Quality Management System*



ISI KANDUNGAN

BAB 1 PENGENALAN	**9**
Sejarah Cameron Highlands	11
Latar belakang MDCH	12
Fungsi MDCH	13
Nilai Teras SEJAHTERA MDCH	14
Visi Misi Moto	15
Dasar Integriti dan Tadbir Urus Nasional	16
Polisi Antirasuah MDCH	17
Ikrar Integriti MDCH	18-20
BAB 2 ISU DAN CABARAN	**22**
Isu dan Cabaran Menangani Rasuah	23
Pembangunan Pelan Antirasuah MDCH	24
Huraian Data	25
Bengkel Pembangunan Pelan Antirasuah MDCH	26-29
BAB 3 PENGUKUHAN INTEGRITI, GOVERNANS DAN ANTIRASUAH	**30**
Kerangka Pelan Antirasuah MDCH	31-32
Analisis Pelan Antirasuah MDCH 2022-2026	33
Keutamaan Strategi	34-35
Bidang Keutamaan 1 – Tadbir Urus	36-38
Bidang Keutamaan 2 – Perancangan dan Kawalan Pembangunan	39-40
Bidang Keutamaan 3 – Perundangan dan Penguatkuasaan	41-45
Bidang Keutamaan 4 – Proses Perolehan	46-49
Bidang Keutamaan 5 –Penguruisan Akta Pengurusan Strata 757	50-51
BAB 4 TADBIR URUS OACP MDCH	**52**
Carta Organisasi Unit Integriti	53
BAB 5 KESIMPULAN	**54**
Kesimpulan	55
Penghargaan	56-57

BAB 1

PENGENALAN

"Whoever is careless with the truth in small matters cannot be trusted with important matters"

ALBERT EINSTEIN

SEJARAH CAMERON HIGHLANDS

Ditemui oleh jurukur Colonial British, Sir William Cameron pada 1885 sewaktu membuat pemetaan Banjaran Titiwangsa.

Beliau dengan rakannya Kulop Riau memulakan kerja pemetaan dari Tanjung Rambutan iaitu beliau mencerap laluan Sungai Kinta hingga ke Banjaran Titiwangsa.
Tidak lama selepas itu, mereka berdiri di atas puncak Gunung Pondok Challi di kawasan Gunung Yong Belar. Cameron melaporkan bahawa dia melihat dataran tinggi berada di ketinggian 4,400 hingga 4,500 kaki sewaktu beliau berada pada ketinggian 6,000 kaki (1,800m) di atas paras laut dan suhu jatuh antara 8°C dan 25°C. Tetapi Cameron gagal untuk menandakan dataran tersebut di atas peta.

Dalam tahun 1920-an, lokasi dataran tinggi akhirnya disahkan di dalam satu laporan daripada ekspedisi berikutnya. Ia tidak dimajukan sepenuhnya sehingga 1925 apabila Sir George Maxwell datang melawat dan mencadangkan Cameron Highlands sebagai stesen tanah tinggi atau kawasan peranginan tanah tinggi.

Nama Cameron Highlands diambil sempena nama Sir William Cameron.

LATAR BELAKANG
MAJLIS DAERAH CAMERON HIGHLANDS

PENUBUHAN MAJLIS DAERAH CAMERON HIGHLANDS		
WARTA KERAJAAN NEGERI PAHANG NO.66 PADA 01 MAC 1982 KAWASAN PENTADBIRAN BERKELUASAN 55.09KM PERSEGI (5509 HEKTAR)		
KEDUDUKAN TERKINI KELUASAN KAWASAN PENTADBIRAN MAJLIS DAERAH CAMERON HIGHLANDS IALAH 71,225 HEKTAR TERMASUK HUTAN SIMPAN KEKAL (KESELURUHAN KAWASAN CAMERON HIGHLANDS) KAWASAN PENTADBIRAN		
1	KAWASAN OPERASI	KAWASAN SELUAS 33,325 HEKTAR YANG DIKENAKAN CUKAI TAKSIRAN DAN DIBERIKAN PERKHIDMATAN SEPERTI INFRASTRUKTUR DAN KEMUDAHAN AWAM, KERJA-KERJA PENYELENGGARAAN DAN PEMBERSIHAN, PENGINDAHAN LANDSKAP SERTA PENGUATKUASAAN DAN TINDAKAN UNDANG-UNDANG
2	KAWASAN KAWALAN PEMBANGUNAN	BAKI KAWASAN SELUAS 37,900 HEKTAR DILUAR KAWASAN OPERASI NAMUN DIKAWAL DARI SEGI AKTIVITI PEMBANGUNANNYA

FUNGSI
MAJLIS DAERAH CAMERON HIGHLANDS

MDCH melaksanakan fungsi – fungsi menggunakan Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) dan melaluinya MDCH boleh melaksanakan aktiviti dan menguatkuasakan dasar serta peraturan – peraturan yang berkaitan dengan hal ehwal Pihak Berkuasa Tempatan. Antara fungsi MDCH ialah : -

- Mengutip cukai taksiran, lesen perniagaan dan pengiklanan.
- Merancang, melaksana serta mengawal selia pembangunan selaras dengan rancangan struktur Negeri Pahang, Rancangan Tempatan Daerah Cameron Highlands dan dasar – dasar kerajaan yang lain.
- Menyelaras dan memberi kerjasama kepada jabatan – jabatan lain serta pihak swasta untuk pembangunan pelbagai program seperti kemasyarakatan dan alam sekitar.
- Mengawalselia aktiviti pelupusan sisa pepejal oleh SWCorp.
- Mengawalselia dan menguatkuasakan premis jualan makanan dan kawalan penyakit berjangkit bersama – sama Pejabat Kesihatan Daerah Cameron Highlands.
- Memantau dan menyelaras kesejahteraan bandar.
- Mempertimbangkan keindahan kawasan MDCH disamping pemeliharaan dan pemuliharaan landskap semulajadi.
- Mewujudkan kemudahan awam dan perkhidmatan – perkhidmatan asas bagi keselesaan penduduk setempat dan pelancong.
- Menggubal undang – undang kecil dan menguatkuasa undang – undang, peraturan dan dasar yang berkaitan.

NILAI-NILAI TERAS
"SEJAHTERA"
MAJLIS DAERAH CAMERON HIGHLANDS

S

SISTEMATIK

SISTEM KERJA YANG LEBIH TERATUR DAN CEKAP

E

EFEKTIF

MEMPERTINGKATKAN KECEKAPAN ORGANISASI KE TAHAP OPTIMUM

J

JUJUR

MENJALANKAN TUGAS DENGAN PENUH KEJUJURAN, DEDIKASI DAN RASA BERTANGGUNGJAWAB SELARAS DENGAN AKU JANJI YANG TELAH DIIKRARKAN

A

AMANAH

MENANAMKAN SIFAT AMANAH DAN BERINTEGRITI PADA SETIAP WARGA MDCH DALAM MENJALANKAN TUGAS

H

HARMONI

SALING MEMERLUKAN HUBUNGAN YANG HARMONI ANTARA MANUSIA DENGAN ALAM SEKELILING SUPAYA KUALITI KEHIDUPAN MANUSIA DAN ALAM SEKELILING TERPELIHARA

T

TELUS

SENTIASA BERKONGSI MAKLUMAT DENGAN MASYARAKAT

E

ERAT

BEKERJASAMA DAN SEMANGAT KERJA YANG ERAT DIANTARA WARGA MDCH DAN PENDUDUK SETEMPAT

R

RASIONAL

BOLEH BERFIKIR BERDASARKAN ALASAN DAN BUKTI YANG NYATA DAN DAPAT MENGAMBIL TINDAKAN BERASASKAN PERTIMBANGAN YANG WAJAR DAN SENTIASA BERFIKIRAN TERBUKA

A

ADIL

BERUSAHA MEMBUAT PERTIMBANGAN YANG SAKSAMA DAN SAMA RATA DALAM SETIAP TINDAKAN DAN KEPUTUSAN BERASASKAN UNDANG-UNDANG, PERATURAN, KEUTAMAAN DAN FAKTOR-FAKTOR YANG LENGKAP DAN TEPAT. PENILAIAN TERHADAP SESUATU TINDAKAN ATAU KEPUTUSAN DIBUAT SECARA OBJEKTIF DAN ANALISA DENGAN MENGGUNAKAN KAEDAH YANG BETUL SERTA MEMUASKAN SEMUA PIHAK YANG TERLIBAT.

VISI
MENJADIKAN MAJLIS DAERAH CAMERON HIGHLANDS SEBAGAI PERBANDARAN MENJELANG 2025

MISI
MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN PERBANDARAN MELALUI PEMANTAPAN INTEGRITI DAN TADBIR URUS YANG KREATIF SERTA INOVATIF

MOTO
" KEPUASAN PELANGGAN KEBANGGAN KAMI "

DASAR INTEGRITI DAN TADBIR URUS NASIONAL

Kerajaan telah mengambil beberapa langkah inisiatif utama sebagai agenda pembanterasan rasuah dengan membangunkan Pelan Integriti Nasional 2004, Pelan Transformasi Kerajaan 2010, Pelan Transformasi Kerajaan 2.0 2013 dan Pelan Antirasuah Nasional 2019-2023.

Merealisasikan Arahan YAB Perdana Menteri No.1 Tahun 2018, Siri 2 No.1 Tahun 2019 – memastikan pengurusan pentadbiran Kerajaan bebas daripada amalan rasuah, salahguna kuasa dan penyelewengan serta mencapai aspirasi nasional "Malaysia dikenali kerana integriti dan bukannya rasuah".

- **2004** — Pelan Integriti Nasional **(PIN)**
- **2010** — Pelan Transformasi Kerajaan **(GTP)**
- **2013** — Pelan Transformasi Kerajaan 2.0 **(GTP 2.0)**
- **2019** — Pelan Antirasuah Nasional 2019-2023 **(NACP)**

MDCH turut mengambil beberapa langkah inisiatif selari dengan dasar dan tadbir urus nasional dengan membangunkan *Policy Anti-Bribery Management System* (ABMS) *Policy Quality Management System (QMS)* yang merangkumi Polisi Antirasuah dan Polisi Kualiti. Selain itu, MDCH telah membangunkan Pelan Strategik Pencegahan Rasuah (2019-2021) serta Pelan AntiRasuah Organisasi 2023 hingga 2027.

- **2016** — *Policy Anti-Bribery Management System* **(ABMS)** *Policy Quality Management System* **(QMS)**
- **2018** — *Quality Management System* ***(QMS)***
- **2019** — *Pelan Pengurusan Risiko Rasuah* ***(PSPR)*** ***(2019-2021)***
- **2020** — *Pelan Strategik Majlis Daerah Cameron Highlands* ***(2021-2025)***
- **2023** — *Pelan Pembangunan AntiRasuah* ***(OACP MDCH)*** ***(2023 – 2027)***

POLISI ANTIRASUAH
MAJLIS DAERAH CAMERON HIGHLANDS

POLISI ANTI-RASUAH

Majlis Daerah Cameron Highlands (MDCH)komited dengan standard etika yang telus, berintegriti dan menggunakan tadbir urus terbaik dalam sistem penyampaian perkhidmatan kami. MDCH mengambil pendekatan dasar toleransi sifar terhadap semua bentuk rasuah dan berikrar untuk:

- Mematuhi peruntukan Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 (Akta 694), undang-undang serta peraturan berkaitan Sistem Penguatkuasaan Anti-Rasuah dengan menerapkan budaya integriti, ketelusan dan kebertanggungjawaban didalam semua aspek;
- Mengenal pasti fungsi pemerintah integriti yang bebas dan berkecuali, diberikuasa melapor kepada Badan Pentadbir terutamanya dalam menangani isu berkaitan salah laku rasuah;
- Menyediakan perancangan, melaksanakan penguatkuasaan polisi dan prosedur bagi mencapai objektif anti-rasuah dan tindakan penambahbaikan secara berterusan;
- Menggalakkan pendedahan maklumat berkenaan sebarang jenayah rasuah atau salah laku melalui saluran aduan integriti, selaras dengan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711);

Tindakan undang-undang boleh diambil kepada mana-mana kakitangan MDCH atau rakan niaga terhadap sebarang ketidakpatuhan dan pelanggaran peraturan yang digariskan didalam polisi ini.

AZMIL HADID BIN MAZNAN
YANG DIPERTUA
MAJLIS DAERAH CAMERON HIGHLANDS
15 NOVEMBER 2021

IKRAR INTEGRITI
MAJLIS DAERAH CAMERON HIGHLANDS

PERHIMPUNAN PAGI KALI PERTAMA TAHUN 2022, DEWAN PUNCAK ARABELLA

IKRAR INTEGRITI MDCH

BAHAWA KAMI KAKITANGAN MAJLIS DAERAH CAMERON HIGHLANDS DENGAN INI BERIKRAR :

A) AKAN MEMUPUK DAN BEKERJASAMA SEBAGAI SATU PASUKAN;

B) MEMUPUK DISIPLIN DAN MEMATUHI ARAHAN JABATAN;

C) SENTIASA BERFIKIRAN KREATIF, INOVATIF DAN BERDAYA SAING;

D) TIDAK AKAN TERPENGARUH DAN TERPEDAYA OLEH ANCAMAN LUAR

E) MEMELIHARA INTEGRITI DAN BEBAS DARIPADA JENAYAH RASUAH.

AMANAH

"Sesungguhnya Kami Telah Menawarkan Langit, Bumi, Dan Gunung-Ganang : Tetapi Semuanya Enggan Untuk Memikul Amanah Itu Dan Mereka Khawatir Tidak Akan Melaksanakannya, Lalu Dipikullah Amanah Itu Oleh Manusia. Sesungguhnya, Manusia Itu Amat Zalim Dan Amat Bodoh"

[Al-Ahzab (33):72]

BAB 2

ISU DAN CABARAN

ISU DAN CABARAN MENANGANI RASUAH

Pada tahun 2020, kedudukan Malaysia dalam Indeks Persepsi Rasuah (CPI) yang dikeluarkan oleh Transparency International telah merosot sebanyak 6 tangga ke kedudukan ke-57 berbanding tahun 2019 iaitu di kedudukan ke-51. Sehubungan dengan itu, masih banyak lagi perkara yang perlu diperbaiki dalam agenda untuk meningkatkan integriti rakyat, memperkukuhkan tadbir urus negara dan memerangi rasuah.

Bagi menangani isu rasuah ini terdapat banyak isu dan cabaran yang perlu di hadapi dan ditangani bagi merealisasikan impian menjadikan Malaysia negara yang mana rakyatnya memiliki nilai integriti yang tinggi. Pendidikan dan kesedaran merupakan satu usaha yang baik dalam menyemai nilai integriti dalam masyarakat tetapi kita tidak boleh mengharapkan hasil terlalu drastik dalam jangka masa pendek.

Ini kerana ia perlu bermula dengan usaha menyemai nilai integriti dan budaya menolak rasuah dalam diri setiap anggota masyarakat, khususnya perlu dimulakan sejak kecil agar menjadi amalan dan budaya yang berterusan. Mereka juga perlu bijak dan licik dalam menggunakan undang-undang bagi melepaskan diri daripada dikenakan tindakan, selain penggunaan teknologi bagi mengelakkan sesuatu kegiatan dikesan menjadi cabaran yang perlu di beri perhatian dalam menangani isu rasuah dan salah laku pada era moden ini

Selain daripada itu, campur tangan pihak berkepentingan dalam urusan pentadbiran bagi memperolehi keuntungan peribadi juga menjadi cabaran utama dalam menangani isu rasuah walaupun dengan membelakangi undang-undang dan peraturan

Justeru itu, pemantauan dan penguatkuasan dalam memastikan proses dan prosedur dipatuhi seperti yang diperuntukkan oleh perundangan adalah penting untuk memastikan hasrat memperkukuhkan tadbir urus negara dan agensi tercapai. Kurangnya pemantauan dan penguatkuasaan disebabkan faktor-faktor seperti kekurangan sumber tenaga kerja, kemahiran, teknologi, kaedah dan sumber kewangan memerlukan tindakan drastik bagi mengatasi masalah ini

PEMBANGUNAN PELAN OACP MDCH

Sepanjang sesi pembangunan OACP MDCH berlangsung, pelbagai data dan maklumat telah dianalisa bagi menentukan risiko dan bidang-bidang yang perlu diberi tumpuan oleh jabatan/bahagian/unit dalam tempoh empat (4) tahun ke hadapan. MDCH telah melaksanakan *Corruption Risk Management* (CRM) bagi mengenalpasti risiko-risiko berkaitan governans, integriti dan antirasuah di MDCH yang berupaya menjejaskan penyampaian perkhidmatan dan imej organisasi.

Antara mekanisme yang digunakan adalah seperti berikut:

BENGKEL PENGURUSAN RISIKO RASUAH (CRM)

Satu Bengkel Pengurusan Risiko Rasuah bagi Pembangunan Pelan AntiRasuah Organisasi (PRR OACP) telah dijalankan selama tiga (3) hari bermula pada 05 Nov 2019 sehingga 07 Julai 2019 yang melibatkan pegawai daripada semua jabatan/ bahagian/unit MDCH.

PELAKSANAAN BENGKEL PEMBANGUNAN ANTIRASUAH ORGANISASI (OACP)

Bengkel Pembangunan Pelan AntiRasuah Organisasi (PRR OACP) telah berlangsung selama tiga (3) hari bermula pada 20 Jun 2022 sehingga 23 Julai 2022

SEMAKAN DALAMAN OLEH JAWATANKUASA DALAMAN

Setiap jabatan telah menghantar data yang telah dibincangkan dan dibentangkan pada 13 Julai 2022 semasa bengkel yang telah diadakan di melaka.

SEMAKAN PELARASAN OACP OLEH PERUNDING

Juruperunding membuat semakan draf pelan yang diterima daripada setiap jabatan/bahagian/unit sebelum pemurnian diadakan. Draf telah dihantar kepada juruperunding pada 02 Ogos 2022.

PEMURNIAN PELAN OACP MDCH

Menyuarat Pemurnian Pelan OACP bersama semua peserta/

Kumpulan MDCH yang terlibat semasa bengkel diadakan pada 19 Ogos 2022.

HURAIAN DATA

Dalam usaha mengenal pasti risiko-risiko berkaitan Governans, Integriti dan Antirasuah di MDCH, Unit Integriti MDCH telah menganalisis Statistik Kes Tatatertib yang berkaitan seperti berikut :

STATISTIK KES TATATERTIB
BAGI TAHUN 2018 HINGGA 2022

BENGKEL PEMBANGUNAN PELAN ANTIRASUAH MAJLIS DAERAH CAMERON HIGHLANDS

HATTEN HOTELS WORLDWIDE, MELAKA
22 JUN 2022 HINGGA 23 JUN 2022

BENGKEL PEMBANGUNAN PELAN ANTIRASUAH MAJLIS DAERAH CAMERON HIGHLANDS

HATTEN HOTELS WORLDWIDE, MELAKA
22 JUN 2022 HINGGA 23 JUN 2022

BENGKEL PEMBANGUNAN PELAN ANTIRASUAH MAJLIS DAERAH CAMERON HIGHLANDS

HATTEN HOTELS WORLDWIDE, MELAKA
22 JUN 2022 HINGGA 23 JUN 2022

BENGKEL PEMBANGUNAN PELAN ANTIRASUAH MAJLIS DAERAH CAMERON HIGHLANDS

HATTEN HOTELS WORLDWIDE, MELAKA
22 JUN 2022 HINGGA 23 JUN 2022

BAB 3

PENGUKUHAN INTEGRITI, GOVERNANS DAN ANTIRASUAH

KERANGKA PELAN ANTIRASUAH MAJLIS DAERAH CAMERON HIGHLANDS

Kerangka ini menggariskan dan mengenalpasti misi yang menyumbang kepada keberkesanan usaha membenteras rasuah di MDCH dengan pengukuhan Integriti, Governans dan AntiRasuah. Ianya dapat digerakkan melalui pematuhan terhadap undang-undang, peraturan dan arahan yang dikuatkuasakan.

VISI

MELAHIRKAN WARGA MDCH YANG BEBAS RASUAH & SALAH LAKU

MISI

MEMPERKUKUHKAN TADBIR URUS MELALUI PEMATUHAN UNDANG-UNDANG, PERATURAN DAN ARAHAN YANG BERKUATKUASA

MATLAMAT

MENINGKATKAN AKAUNTABILITI & KREDIBILITI WARGA MDCH DALAM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN AWAM

STRATEGI

- Meningkatkan kecekapan, Ketelusan, Integriti dan Pembangunan Modal Insan
- Meningkatkan Kefahaman dan Pematuhan Keperluan Rancangan Tempatan, Garis Panduan dan Peraturan Pembangunan
- Menginstitusikan Kecekapan & Pengamalan Undang-Undang
- Mengawal selia penyenggaraan dan pengurusan bangunan bertingkat atau tanah yang dipecah bahagi dan dikeluarkan hakmilik strata
- Meningkatkan Pematuhan Penguatkuasaan dan Tadbir Urus Kewangan

ANALISIS PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI MDCH 2022 - 2026

Penentuan keutamaan pelaksanaan pelan adalah berdasarkan:

Kuadran A – Berimpak Tinggi Dan Kompleksiti Rendah,

Kuadran B – Berimpak Tinggi dan Kompleksiti Tinggi,

Kuadran C – Berimpak Tinggi dan Kompleksiti Rendah, dan

Kuadran D – Berimpak Rendah dan Kompleksiti Tinggi.

STRATEGI 1	Memupuk Tadbir Urus Yang Baik Dalam Entiti Korporat
STRATEGI 2	Menguatkuasakan Pemakaian Rancangan Pemajuan, Pelan Induk, Garis Panduan Perancangan, Undang-Undang Berkaitan Kawalan Pembangunan Serta Meningkatkan Pemantauan Dan Penguatkuasaan
STRATEGI 3	Memperkasakan Dan Memantapkan Penguatkuasaan Undang-Undang Pihak Berkuasa Tempatan
STRATEGI 4	Mempertingkatkan Keberkesanan Dan Ketelusan Perolehan Awam
STRATEGI 5	Pengurusan Akta Pengurusan Strata 757

KEUTAMAAN STRATEGI

Hasil bengkel OACP yang di jalankan sebanyak 54 inisiatif telah dikenalpasti dan setelah pemurnian hanya (47) inisiatif yang perlu diberi keutamaan.

BIL	INISIATIF
1	➢ Menganjurkan Kempen / ceramah agama / ceramah integriti
2	➢ Mengenakan tindakan tatatertib kepada pelaku
3	➢ Pemantauan berterusan oleh Ketua Jabatan
4	➢ Pemantauan berterusan oleh pihak pengurusan
5	➢ Membuat hebahan melalui arahan pentadbiran
6	➢ Mengeluarkan notis amaran kepada pegawai dan kakitangan yang terlibat
7	➢ Memperkasakan SOP berkaitan disiplin & salah laku
8	➢ Menyelaras dan memastikan semua jabatan/bahagian/unit mencapai KPI masing-masing
9	➢ Menghadkan akses sistem / maklumat kepada pihak yang tertentu
10	➢ Pemantauan secara berkala *oleh Chief Information Officer (CIO)* dan *ICT Security Officer (ICTSO)*
11	➢ Mewajibkan setiap kakitangan menandatangani Aku Janji Akta Rahsia Rasmi 1972 dan Akta Keselamatan ICT
12	➢ Menyenarai hitam klinik yang terlibat
13	➢ Menggunapakai Manual Pelaksana OSC 3 Plus sepenuhnya & menambahbaik mengikut kesesuaian PBT dan keperluan tempatan
14	➢ Memberi kursus & latihan kepada kakitangan berkaitan rancangan pemajuan, pelan induk, garis panduan piawaian perancangan serta undang-undang berkaitan pembangunan serta pembinaan
15	➢ Memperkasakan pendidikan & hebahan kefahaman mengenai rancangan pemajuan, pelan induk, garis panduan piawaian perancangan & undang-undang berkaitan pembangunan serta pembinaan.
16	➢ Mengkaji semula Manual Piawaian Perancangan Negeri Pahang UKBS KPPA & UKKT dan menambahbaik SOP, Prosedur & Garis Panduan sedia ada.
17	➢ Melaksanakan Penanda aras & rujukan di PBT lain
18	➢ Melaksanakan Audit Dalaman (ISO dan UAD)
19	➢ Menambahbaik garis panduan penyediaan kertas siasatan
20	➢ Semakan senarai kompaun yang dikeluarkan oleh anggota & memastikan kertas siasatan dibuka & disahkan oleh Ketua Unit
21	➢ Memastikan KPI pembukaan kertas siasatan tercapai
22	➢ Menambahbaik SOP rayuan kompaun dan borang rayuan kompaun
23	➢ Melaksanakan edaran SOP & borang rayuan kompaun yang digunapakai
24	➢ Pindaan pada Manual Sistem Pengurusan Integrasi Klausa 5.3.3
25	➢ Mewujudkan garis panduan lesen sementara
26	➢ Mewujudkan SOP & borang permohonan surat perwakilan kuasa
27	➢ Menambahbaik SOP pengeluaran kompaun
28	➢ Memastikan KPI pengeluaran kompaun setiap anggota tercapai
29	➢ Menambahbaik SOP Penyerahan Perkhidmatan Kawasan baru

30	➢ Menambahbaik elemen integriti sebagai syarat dalam surat lantikan baru
31	➢ Memastikan sekurang-kurangnya 3 profil firma peguam dibawa untuk dipertimbangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa
32	➢ Memperkukuhkan Laporan pemeriksaan oleh penyelia
33	➢ Menambahbaik bahan rujukan digital (Current Law Journal (CLJ) sistem LawNet)
34	➢ Penambahbaikan permohonan lesen secara atas talian
35	➢ Mengeluarkan arahan pentadbiran larangan menjadi orang tengah
36	➢ Memastikan hanya pembekal berdaftar sahaja dipelawa memasuki tender dan sebutharga dengan mdch melalui sistem (Sistem CHICS17)
37	➢ Menyenarai hitamkan pembekal melalui laporan prestasi
38	➢ Pengesahan pematuhan pengurusan kewangan melalui audit dalaman.
39	➢ Semakan berkala oleh penyemak dan pelulus penggunaan bekalan melalui borang
40	➢ Menambahbaik senarai semak bagi pemulangan barangan yang telah digunakan untuk mendapatkan bekalan baru bagi barangan yang bernilai tinggi
41	➢ Mengeluarkan arahan dalaman untuk menguatkuasakan penggunaan LO untuk tujuan penginapan
42	➢ Menambahbaik senarai semak untuk dokumen sokongan tuntutan dan kerja lebih masa
43	➢ Semakan berkala oleh ketua jabatan
44	➢ Menguatkuasakan borang isytihar kepentingan (Integriti Pact) kepada pemaju sebelum AGM
45	➢ Memberi kesedaran berkala (Sesi Perbincangan)
46	➢ Memastikan senarai semak penyerahan Notis Peringatan Akaun teraudit dipenuhi oleh pemaju Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan Perbadanan Pengurusan (MC)
47	➢ Mengadakan program komuniti strata

BIDANG KEUTAMAAN 1

TADBIR URUS

STRATEGI 1 : MEMUPUK TADBIR URUS YANG BAIK DALAM ENTITI KORPORAT

OBJEKTIF STRATEGIK 1.1

Meningkatkan kecekapan, ketelusan dan integriti

BIL	RISIKO(KELEMAHAN INTEGRITI, GOVERNANS & ANTI RASUAH)	INISIATIF	PELAKSANA	TEMPOH MASA
1	Kesalahan jenayah/Rasuah/ Tatatertib	➢ Menganjurkan Kempen / ceramah agama / ceramah integriti	Jabatan Khidmat Pengurusan	5 Tahun (2023-2027) 3 kali setahun
		➢ Mengenakan tindakan tatatertib kepada pelaku	Jabatan Khidmat Pengurusan	Sepanjang tahun (2023-2027)
2	Tidak berada ditempat kerja semasa waktu bertugas	➢ Pemantauan berterusan oleh Ketua Jabatan	Semua jabatan/bahagian/unit	Sepanjang tahun (2023-2027)
3	Cuti / Pelepasan meninggalkan pejabat tanpa kelulusan	➢ Pemantauan berterusan oleh pihak pengurusan	Semua jabatan/bahagian/unit	Setiap Bulan (2023-2027)
		➢ Membuat hebahan melalui arahan pentadbiran	Jabatan Khidmat Pengurusan	setiap tahun (2023-2027)
		➢ Mengeluarkan notis amaran kepada pegawai dan kakitangan yang terlibat	Jabatan Khidmat Pengurusan	Sepanjang tahun (2023-2027)
4	Salahguna kuasa dalam pelaksanaan disiplin/salah laku	➢ Memperkasakan SOP berkaitan disiplin & salah laku	Jabatan Khidmat Pengurusan	Mesyuarat Tatatertib mengikut keperluan (2023-2027)
5	*Key Performance Indicator* (KPI) tidak tercapai	➢ Menyelaras dan memastikan semua jabatan/bahagian/unit mencapai KPI masing-masing	Semua jabatan/bahagian/unit	(2023-2027) Setahun Sekali

OBJEKTIF STRATEGIK 1.2

Meningkatkan ketelusan dan mengurangkan ketirisan maklumat

BIL	RISIKO(KELEMAHAN INTEGRITI, GOVERNANS & ANTI RASUAH)	INISIATIF	PELAKSANA	TEMPOH MASA
1	Membocorkan data terperingkat / maklumat MDCH	➢ Menghadkan akses sistem / maklumat kepada pihak yang tertentu	Unit Teknologi Maklumat / Jabatan Khidmat Pengurusan	Sepanjang tahun
		➢ Pemantauan secara berkala *oleh Chief Information Officer (CIO)* dan *ICT Security Officer (ICTSO)*	SU/ Unit Teknologi Maklumat / Jabatan Khidmat Pengurusan	
		➢ Mewajibkan setiap kakitangan menandatangani Aku Janji Akta Rahsia Rasmi 1972 dan Akta Keselamatan ICT	Unit Teknologi Maklumat / Jabatan Khidmat Pengurusan	
2	Memalsukan Sijil Sakit	➢ Menyenarai hitam klinik yang terlibat	Jabatan Khidmat Pengurusan	Sepanjang tahun

BIDANG KEUTAMAAN 2

PERANCANGAN DAN KAWALAN PEMBANGUNAN

STRATEGI 2 : MENGUATKUASAKAN PEMAKAIAN RANCANGAN PEMAJUAN, PELAN INDUK, GARIS PANDUAN PERANCANGAN, UNDANG-UNDANG BERKAITAN KAWALAN PEMBANGUNAN SERTA MENINGKATKAN PEMANTAUAN DAN PENGUATKUASAAN

OBJEKTIF STRATEGIK 2.1

Memastikan Keperluan Rancangan Tempatan, Garis Panduan dan Peraturan Pembangunan Difahami dan Dipatuhi

BIL	RISIKO(KELEMAHAN INTEGRITI, GOVERNANS & ANTI RASUAH)	INISIATIF	PELAKSANA	TEMPOH MASA
1	Ketidakpatuhan Proses Semakan, Ulasan & Syor Permohonan Kelulusan Pelan-Pelan Pembangunan & Permit Kerja Kecil / Sementara & Tinglakan Selepas Kelulusan di MDCH	➢ Menggunapakai Manual Pelaksana OSC 3 Plus sepenuhnya &menambahbaik mengikut kesesuaian PBT dan keperluan tempatan	Unit Pusat Setempat	5 Tahun (2023-2027) 24 kali setahun
		➢ Memberi kursus & latihan kepada kakitangan berkaitan rancangan pemajuan, pelan induk, garis panduan piawaian perancangan serta undang-undang berkaitan pembangunan serta pembinaan	Jabatan Khidmat Pengurusan/Jabatan Teknikal berkenaan	5 Tahun (2023-2027) Sekurang-kurangnya 3 kali setahun
		➢ Memperkasakan pendidikan & kesedaran kefahaman mengenai rancangan pemajuan, pelan induk, garis panduan piawaian perancangan & undang-undang berkaitan pembangunan serta pembinaan.	Unit Perhubungan Awam & Pembangunan Masyarakat / Unit Teknologi Maklumat/Jabatan Teknikal berkenaan	5 Tahun (2023-2027) Mengikut keperluan
		➢ Mengkaji semula Manual Piawaian Perancangan Negeri Pahang UKBS KPPA & UKKT dan menambahbaik SOP, Prosedur & Garis Panduan sedia ada.	Unit Pusat Setempat (OSC) / Jabatan Perancang Unit Undang-Undang	5 Tahun (2023-2027) Sekurang-kurangnya 1 kali setahun
		➢ Melaksanakan Penanda aras & rujukan di PBT lain	YDP/SU dan Jawatankuasa Berkaitan	5 Tahun (2023-2027) 1 tahun sekali
		➢ Melaksanakan Audit Dalaman (ISO dan UAD)	Unit Audit Dalam/Ketua Juruaudit ISO	5 Tahun (2023-2027) Sekali setahun

BIDANG KEUTAMAAN 3

PERUNDANGAN & PENGUATKUASAAN

STRATEGI 3 : MEMPERKASAKAN & MEMANTAPKAN PENGUATKUASAAN UNDANG-UNDANG PIHAK BERKUASA TEMPATAN

OBJEKTIF STRATEGIK 3.1

Menambahbaik Perundangan & Garis Panduan Organisasi

BIL.	RISIKO(KELEMAHAN INTEGRITI, GOVERNANS & ANTI RASUAH)	INISIATIF	PELAKSANA	TEMPOH MASA
1	Anggota penguatkuasaan menerima suapan untuk tidak mengesyorkan kes pendakwaan ke mahkamah.	➢ Menambahbaik garis panduan penyediaan kertas siasatan	Unit Penguatkuasa	2 tahun (2023-2027)
		➢ Semakan senarai kompaun yang dikeluarkan oleh anggota & memastikan kertas siasatan dibuka & disahkan oleh Ketua Unit	Unit Penguatkuasa	5 Tahun (2023-2027) Setiap bulan
		➢ Memastikan KPI pembukaan kertas siasatan tercapai	Unit Penguatkuasa	5 Tahun (2023-2027) 10 Kertas Siasatan sebulan
2	Salah guna kuasa untuk pembatalan & pengurangan kompaun	➢ Menambahbaik SOP rayuan kompaun dan borang rayuan kompaun	Unit Undang-Undang	2 tahun (2023-2027)
		➢ Melaksanakan edaran SOP & borang rayuan kompaun yang digunapakai	Unit Undang-Undang	2 tahun (2023-2027)
		➢ Pindaan pada Manual Sistem Pengurusan Integrasi Klausa 5.3.3	Unit Perhubungan Awam & Pembangunan Masyarakat	2 tahun (2023-2027)
3	Ketakuran kepada syarat kelulusan lesen sementara	➢ Mewujudkan garis panduan lesen sementara	Jabatan Kesihatan Awam & Perkhidmatan Perbandaran	2 tahun (2023-2027)
4	Kelewatan mengeluarkan perwakilan kuasa	➢ Mewujudkan SOP & borang permohonan surat perwakilan kuasa	Unit Undang-Undang	2 tahun (2023-2027)
5	Salah guna kuasa dalam pengeluaran kompaun	➢ Menambahbaik SOP pengeluaran kompaun	Unit Tempat Letak Kereta	2 tahun (2023-2027)
		➢ Memastikan KPI pengeluaran kompaun setiap anggota tercapai	Unit Tempat Letak Kereta	2 tahun (2023-2027)

BIL.	RISIKO(KELEMAHAN INTEGRITI, GOVERNANS & ANTI RASUAH)	INISIATIF	PELAKSANA	TEMPOH MASA
6	Pakatan antara kakitangan & pihak konsesi (Penyerahan perkhidmatan kawasan baru)	➢ Menambahbaik SOP Penyerahan Perkhidmatan Kawasan baru	Jabatan Kesihatan Awam & Perkhidmatan Perbandaran	2 tahun (2023-2027)
7	Pakatan & salah guna kuasa dalam pelantikan peguam panel	➢ Menambahbaik elemen integriti sebagai syarat dalam surat lantikan baru	Unit Undang-Undang	3 Tahun (2023-2027)
		➢ Memastikan sekurang-kurangnya 3 profil firma peguam dibawa untuk dipertimbangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa	Jabatan Perbendaharaan (Perolehan)	5 tahun (2023-2027) Mengikut Keperluan

OBJEKTIF STRATEGIK 3.2

Meningkatkan Kompentensi & Integriti Kakitangan Penguatkuasaan

BIL	RISIKO(KELEMAHAN INTEGRITI, GOVERNANS & ANTI RASUAH)	INISIATIF	PELAKSANA	TEMPOH MASA
1	Penyalahgunaan kuasa oleh kakitangan penguatkuasaan semasa menjalankan tugas rasmi	➢ Memperkukuhkan Laporan pemeriksaan oleh penyelia	Unit Tempat Letak Kereta/Penguatkuasa / Jabatan Kesihatan Awam & Perkhidmatan Perbandaran/BKBW/ JKKA	(2023-2027) Semakan sekali setahun

OBJEKTIF STRATEGIK 3.3

Keperluan Penggunaan Teknologi Tinggi dalam Penguatkuasaan Undang-Undang

BIL	RISIKO(KELEMAHAN INTEGRITI, GOVERNANS & ANTI RASUAH)	INISIATIF	PELAKSANA	TEMPOH MASA
1	Memanipulasikan nasihat perundangan	➢ Menambahbaik bahan rujukan digital (Current Law Journal (CLJ) sistem LawNet)	Unit Teknologi Maklumat	2 tahun (2023-2027)
2	Kelemahan terhadap proses permohonan lesen	➢ Penambahbaikan permohonan lesen secara atas talian	Unit Teknologi Maklumat	3 tahun (2023-2027)

OBJEKTIF STRATEGIK 3.4

Mempertingkatkan kesedaran Penguatkuasaan & Perundangan PBT

BIL	RISIKO(KELEMAHAN INTEGRITI, GOVERNANS & ANTI RASUAH)	INISIATIF	PELAKSANA	TEMPOH MASA
1	Kakitangan menjadi orang tengah bagi semua jenis urusan	➢ Mengeluarkan arahan pentadbiran larangan menjadi orang tengah	Jabatan Khidmat Pengurusan	5 Tahun (2023-2027) Setiap tahun

BIDANG KEUTAMAAN 4

PROSES PEROLEHAN

STRATEGI 4 : MEMPERTINGKATKAN KEBERKESANAN DAN KETELUSAN PEROLEHAN AWAM

OBJEKTIF STRATEGIK 4.1

Memperkukuhkan Kerangka Perolehan Awam

BIL	RISIKO(KELEMAHAN INTEGRITI, GOVERNANS & ANTI RASUAH)	INISIATIF	PELAKSANA	TEMPOH MASA
1	Pakatan Antara Pembida Dengan Pegawai mengemukakan "*Dummy Quotation*"	➢ Memastikan hanya pembekal berdaftar sahaja dipelawa memasuki tender dan sebutharga dengan mlch melalui sistem (Sistem CHICS17)	Jabatan Perbendaharaan	5 tahun (2023-2027) Setiap kali pelawaan tender dan sebutharga
		➢ Menyenarai hitamkan pembekal melalui laporan prestasi	Jabatan Perbendaharaan / Jabatan Teknikal berkaitan	5 Tahun (2023-2027) Setahun sekali
		➢ Pengesahan pematuhan pengurusan kewangan melalui audit dalaman.	Unit Audit Dalam/ ISO	5 tahun (2023-2027) Setahun sekali

OBJEKTIF STRATEGIK 4.2

Mempertingkatkan ketelusan Perolehan Awam, Mengurangkan Risiko Rasuah, Penyelewengan Pasaran & Antisaingan

BIL	RISIKO(KELEMAHAN INTEGRITI, GOVERNANS & ANTI RASUAH)	INISIATIF	PELAKSANA	TEMPOH MASA
1	Penyalahgunaan Bekalan Stor Untuk Kepentingan Peribadi	➢ Semakan berkala oleh penyemak dan pelulus penggunaan bekalan melalui borang	Jabatan Perbendaharaan	5 Tahun (2023-2027) Setahun sekali
		➢ Menambahbaik senarai semak bagi pemulangan barangan yang telah digunakan untuk mendapatkan bekalan baru bagi barangan yang bernilai tinggi	Jabatan Perbendaharaan	5 Tahun (2023-2027)
2	Mengemukakan tuntutan palsu dan memanipulasikan laporan audit	➢ Mengeluarkan arahan dalaman untuk menguatkuasakan penggunaan LO untuk tujuan penginapan	Jabatan Perbendaharaan	5 tahun (2023-2027) Setahun sekali
		➢ Menambahbaik senarai semak untuk dokumen sokongan tuntutan dan kerja lebih masa	Jabatan Perbendaharaan	5 tahun (2023-2027)
3	Pakatan Antara Pegawai dan Pembekal Dalam Urusan Pembelian Terus	➢ Memastikan hanya pembekal berdaftar sahaja dipelawa memasuki tender dan sebutharga dengan mlch melalui sistem (Sistem CHICS17)	Jabatan Perbendaharaan/ Jabatan Kejuruteraan dan Kemudahan Awam	5 Tahun (2023-2027) Setiap kali pelawaan tender dan sebutharga
		➢ Menyenarai hitamkan pembekal melalui laporan prestasi	Jabatan Perbendaharaan/ Jabatan Teknikal Berkaitan	5 tahun (2023-2027) Setahun sekali
		➢ Pengesahan pematuhan pengurusan kewangan melalui audit dalaman	Unit Audit Dalam/ ISO	5 tahun (2023-2027) Setahun sekali

BIL	RISIKO(KELEMAHAN INTEGRITI, GOVERNANS & ANTI RASUAH)	INISIATIF	PELAKSANA	TEMPOH MASA
4	Pakatan dan Sogokan daripada pemilik hartanah kepada pegawai berkaitan kenaan cukai, notis dan waran (percukaian)	➢ Semakan berkala oleh ketua jabatan	Jabatan Perbendaharaan / Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta	5 Tahun (2023-2027)
		➢ Pengesahan pematuhan pengurusan kewangan melalui audit dalaman	Unit Audit Dalam/ ISO	(2023-2027) Setahun sekali

BIDANG KEUTAMAAN 5

PENGURUSAN AKTA PENGURUSAN STRATA 757

STRATEGI 5 : MEMASTIKAN PEMATUHAN AKTA PENGURUSAN STRATA 757

OBJEKTIF STRATEGIK 5.1

Mempertingkatkan kesedaran pematuhan

BIL	RISIKO(KELEMAHAN INTEGRITI, GOVERNANS & ANTI RASUAH)	INISIATIF	PELAKSANA	TEMPOH MASA
1	Pakatan antara pemaju & pegawai untuk mempengaruhi keputusan AGM	➢ Menguatkuasakan borang isytihar kepentingan (Integriti Pact) kepada pemaju sebelum AGM	Unit Pesuruhjaya Bangunan (COB)	5 Tahun (2023-2027) Mengikut Kperluan
2	Ketidakpatuhan pemaju keatas akta strata 757	➢ Memberi kesedaran berkala (Sesi Perbincangan)	Unit Pesuruhjaya Bangunan (COB)	5 Tahun (2023-2027) Mengikut keperluan
3	Pemaju & JMB memanipulasi Penyata Akaun Teraudit kepada Unit COB	➢ Memastikan senarai semak penyerahan Notis Peringatan Akaun teraudit dipenuhi oleh pemaju Badan Pengurusan Bersama (JMB) dan Perbadanan Pengurusan (MC)	Unit Pesuruhjaya Bangunan (COB)	5 Tahun (2023-2027) 1 kali setahun
		➢ Mengadakan program komuniti strata	Unit Pesuruhjaya Bangunan (COB) / Kementerian Perumahan & Kerajaan Tempatan	5 Tahun (2023-2027) Tertakluk perunt ukan dari kpkt

BAB 4

TADBIR URUS OACP MDCH

CARTA ORGANISASI UNIT INTEGRITI, MDCH

CARTA JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN
(BAHAGIAN SUMBER MANUSIA [INTEGRITI])



BAB 5

KESIMPULAN

KESIMPULAN

Pelan Antirasuah Organisasi (OACP) MDCH 2023-2027 adalah satu mekanisma bagi membudayakan integriti terpuji yang menolak perlakuan rasuah di dalam organisasi Majlis Daerah Cameron Highlands supaya peranannya sebagai Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dapat berfungsi dengan lebih proaktif.

Selain itu, pendidikan & informasi mengenai kesan jenayah rasuah dapat disampaikan kepada masyarakat sebagai satu usaha yang dapat dilakukan oleh Majlis Daerah Cameron Highlands untuk mendekatkan orang ramai bagi memperkasakan imej Pihak Berkuasa Tempatan pada persepsi umum.

Pembangunan Pelan Anti Rasuah MDCH 2023-2027 ini juga merupakan gambaran komitmen penuh jabatan bagi merealisasikan usaha kerajaan untuk memantapkan tadbir urus, integriti & antirasuah dalam Sistem Pengurusan Pentadbiran Kerajaan sepertimana yang telah dinyatakan dalam Pelan AntiRasuah Nasional (NACP) 2019-2023.

Secara keseluruhannya, keberkesanan dan kejayaan MDCH amat bergantung penuh kepada komitmen dan kerjasama semua warga MDCH, Pengurusan tertinggi dan *stakeholders*. Diharapkan inisiatif yang digariskan dapat dilaksanakan demi mencapai Visi **"Menjadikan MDCH Sebagai Perbandaran menjelang**

PENGHARGAAN

SETINGGI-TINGGI PENGHARGAAN & UCAPAN TERIMA KASIH KEPADA :

PENGURUSAN TERTINGGI MDCH

Azmil Hadid Bin Maznan
Yang Dipertua Majlis Daerah Cameron Highlands

Mazlan Bin Mohamed Isa.,AAP.,AMP
Setiausaha Majlis Daerah Cameron Highlands

TENAGA PAKAR BENGKEL OACP

Puan Halimah Binti Md Shariff
Puan Hajah S.Normalis Binti Abd Samad

PESERTA BENGKEL OACP

Ahmad Ridzuan Bin Abd Mubin
Elmi Ruzaidi Bin Haji Redzuan
Siti Zaleha Bt Ab. Ghani
Mas Juaini Binti Mat Junit
Mohd Khairil Anuar Bin Asmawi
Muhammad Safwan Izzat Bin Rosli
Zulqarnain Bin Mohd Yusof
Norazatul Afidah Binti Abdul Razak
Akmal Bin Shaharuddin
Ramizah Bt Ishak
Mohd Rizal Bin Hashim
Nor Syuaadah Binti Alias
Norliza Bt Ali
Nur Hayana Zahira Bt Abd Hamid
Wan Norasmah Bt Wan Derahman
Amira Nadirah Binti Mohamad Amran
Norini Bt Ibrahim
Normalina Bt Mahamad
Mohd Hafiz Bin Mohd Zulkifli

Tanabalan A/L Arichunnan
Wan Fazlina Saila Bt Wan Shohaimi
Ahmad Faisal Bin Ahmad Nizam
Aszerin Bt Mohamad
Wan Muhammad Yusuf Bin Wan Kamaruddin
Zainatul Azian Binti Harun
Zul Juhaida Bt Zubir
Amir Ashraf Bin Musalam
Muhammad Dzulhelmi Bin Abd Shukor
Siti Khadijah Bt Abdullah
Atifa Binti Jumat
Nor Fazliana Bt Adnan
Musfiratul Nazahiah Bt Abd Hamid
Raja Nor Fadhilah Bt Raja Hasan
Erni Zaimona Binti Buyong
Nurul Hazwani Bt Ahmad Termizi

URUSETIA BENGKEL OACP

Fatin Nur Syahira Nadia Binti Kenek
Noor Syuhada Binti Abdul Razak
Yusri Afif Bin Mahabu